Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

2HB APRIL, 1980

بسم الله الرحمن الرحيم

## MEMELIHARA NILAI AMANAH

SA-TIAP yang di-lantek menjadi ketua itu sudah barang tentu mempunyai tanggong-jawab2 menurut bidang lantekan-nya dan demikian juga bidang kuasa yang di-berikan ada-lah menurut keperluan2 lantekan itu. Apabila sa-seorang itu di-lantek menjadi ketua, maka ia ada-lah merupakan penyerahan amanah dan merupakan tanggong-jawab yang terbesar untok memelihara nilai amanah yang di-pertanggong-jawabkan itu.

Memegang amanah bukan-lah satu perkara yang ringan dan pengabaian terhadap amanah itu ada-lah merupakan satu trajidi yang hanya menghasilkan berbagai perkara yang kurang enak dan ada kala-nya menimbulkan penentangan. Bila terjadi pengabaian terhadap amanah yang di-pikulkan itu, kesan2 burok sukar untok di-singkirkan, kechuali pengabaian itu dapat diubati di-perengkat awal. Akan tetapi, jika pengabaian itu sudah berjalan sa-paroh dari tempoh masa kita menerima amanah itu, maka ada-lah suatu proses yang susah untok membersehkan kesan2 burok dari akibat pengabaian itu.

Perkara lantekan sa-bagai ketua dengan amanah yang di-amanahkan ini-lah antara beberapa kesan besar yang mendapat perhatian di-sepanjang Kursus Sivik Penghulu2 dan Ketua2 Kampong serta Ketua2 Rumah Panjang yang berlangsong di-Pusat Belia minggu lepas.

Di-pembukaan rasmi kursus itu, para peserta telah di-hadapkan dua perkara tanggong-jawab yang perlu di-ingat sa-bagai ketua itu ia-itu yang pertama dari segi sifat-nya sa-bagai "pelurus-luruskan" dan kedua, sifat sa-bagai orang "yang di-tuakan". Ini ada-lah amanah dari segi "sifat" orang2 yang di-jadikan ketua itu. Sementara dari segi amanah2 yang lain terutamanya bidang2 kuasa, mereka di-peringatkan supaya tidak akan menyalah-gunakan-nya dan hendak-lah mengetahui perangggan2 kuasa yang ada pada mereka jangan sampai terjadi keterlanjuran melangkahi pemantong atau terujuh bandol.

Dalam majlis2 ramah mesra, tetamu2 kehormat tidak kurang juga memberi peringatan2 tentang perkara2 yang berkaitan dengan "orang yang di-amanahkan sa-bagai ketua itu", dan menegaskan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ada-lah menumpukan harapan dan kepercayaan kapada orang2 yang telah dituakan oleh Baginda itu. Tegas-nya, orang2 itu adalah di-harapkan dan di-perchayai oleh Baginda untok melaksanakan tugas2 yang di-amanahkan dengan jujor, ikhlas dan penoh beramanah dan tidak akan mudah di-kabor dan di-rabunkan malah berpegang terus kapada tali Allah.

Demikian-lah dan dapat di-bayangkan betapa besar-nya harapan untok meningkatkan nilai "keamanahan" di-kalangan orang2 yang terlingkong dalam istilah "di-tuakan" menurut tafsiran2 kita orang2 Brunei itu. Istilah di-tuakan ini ada-lah luas dan ia tidak terhad kapada yang di-lantek menjadi ketua sahaja, malah ia ada-lah melingkongi kapada sa-tiap orang yang di-beri keperchayaan dan di-harap2kan.

Maka itu, jika terjadi pengabaian dan penyelewengan terhadap amanah yang di-amanahkan, pengabaian terhadap keperchayaan dan harapan, maka ini berma'ana tidak akan dapat menyampaikan HAJAT dari apa yang di-amanahkan itu. Bagaimana pun, bila perkara2 saperti ini berlaku, maka tunangan-nya ada-lah keburokan dan sa-tiap yang burok itu pasti akan berbau dan dapat di-hidu di-mana2 dan akibatnya akan bertambah burok lagi.

Namun demikian, kita yakin bahawa keadaan kita di-Brunei ini tidak-lah sampai begitu sekali, kerana antara sifat yang di-mileki oleh pureh Brunei jati ia-lah "belurus" dan ta'at pada titah perentah serta menchintai suasana yang aman lagi tenteram.

## PADA HEMAT SAYA....

### berkira-kira tentang

# UNTUNG RUGI

JIKA AWDA mengatakan: semua orang mahu untung, jadi — ada-kah itu maana-nya: semua orang tidak mahu rugi?

Awda mungkin memberi jawapan 'ya'. Sa-kurang2-nya berdasarkan agak-agakan; atau (lebeh bagus lagi) kalau jawapan awda itu datang-nya dari tuhor-dalam lubok2 pengalaman.

Orang lain pun di-jangkakan menjawab begitu. Dan orang2 yang bijak berkira tentang untung rugi dalam 'dunia' jual-beli tentu lebeh berupaya pula menjawab sedemikian.

Nampak-nya begitu-lah. Dan boleh di-katakan hampir semua orang sudah memahami bahawa untung itu ia-lah *apabila mendapat lebeh dari apa yang di-beri*; lalu *apabila mendapat kurang* maka di-namakan rugi.

Jadi, tidak hairan kalau di-katakan semua orang mahu untung bererti juga semua orang tidak mahu rugi. Mana-lah orang-nya mahu mendapat 'kurang' kalau maseh boleh mendapat 'lebeh'.

### DI-LEBAR LUASKAN

Soal-nya: kalau pun untung rugi itu sudah jelas di-fahami tapi maseh perlu juga ia di-lebar luaskan bidang-nya sa-kira2 tidak saja dalam batas yang di-fahamkan saperti yang sudah lazim itu.

Kalau sa-orang pedagang menjual dagangan-nya dengan harga lebeh dari harga seluroh modal-nya maka dia di-katakan untung, tapi tidak semesti-nya pula orang lain yang bukan pedagang apabila terpaksa 'membeli' sa-suatu, hatta sa-kali pun dengan seluroh harta-nya akan di-katakan rugi. Sebab, kapada si-pedagang memang-lah untung itu di-kira apabila dia mendapat lebeh dari modal-nya. Sementara kapada orang lain itu untung-nya pula di-kira apabila dia mendapat apa yang di-hajati-nya.

Kedua-dua si-pedagang dan bukan si-pedagang itu memang masing2 dengan 'hajat'-nya. Yakni: masing2 mahu mendapat kadar lebeh dari kadar modal atau harga yang di-bayar.

Tapi 'hajat' kedua-duanya tidak sama. Yang sa-orang berhajatkan 'pendapatan yang lebeh' sementara yang sa-orang lagi berhajatkan 'kepuasan' yang lebeh.

Kapada si-pedagang, 'pendapatan' yang lebeh itu-lah hajat-nya lalu tidak hairan kalau dia hanya akan puas sa-telah mendapati-nya. Tapi tidak semesti-nya begitu kapada orang lain.

Orang lain akan puas apabila saja hajat-nya terpenoh lalu tidak hairan kalau dia sanggup 'membayar'-nya dengan harga mahal. Dan puas sa-rupa itu jarang (kalau pun tidak) akan sanggup di-bayar oleh orang2 saperti si-pedagang.

Alasan-nya mudah saja: mana-lah orang saperti si-pedagang akan sanggup membeli dengan harga yang melebehi harga menjual. Tapi maseh boleh di-dapati ada orang lain yang sanggup mendapatkan hajat-nya sa-kali pun dengan harga paling mahal.

### FAHAMAN LAIN

Awda dan siapa2 — termasok-lah juga saya — tentu-lah tidak bijak menyalahkan mana2 orang saperti si-pedagang itu. Berkira-bichara tentang untung rugi dalam 'dunia' jual-beli telah menetapkan fahaman begitu.

Tapi tentu maseh boleh di-tetapkan fahaman lain bagi 'dunia' lain. Sebab bukan keseluruhan hidup ini di-lunaskan pada kira-bichara jual-beli. Lalu, tidak-lah semesti-nya untung rugi itu dalam maana *mendapat lebeh atau kurang dari apa yang di-beri*.

Rasa-nya begitu-lah fahaman tentang untung rugi itu perlu di-lebar-luaskan bidang-nya. Dalam melakukan-nya awda tentu terlebeh dahulu mahu meneliti-nya. Sa-patut-nya begitu, sebab bukan-lah mudah untok menerima-nya bulat2. Tapi lebeh sukar pula untok menolak-nya mentah2.

Al-maalom saja-lah, umor dunia ini bukan baharu sa-hari dua. Dahulu2 pun orang sudah memahamkan kira-bichara tentang untung rugi itu pada lunas2 jual-beli. Dan apabila fahaman lain di-ketengahkan maka kelihatan-nya aneh pula. Tentu akan aneh juga-lah apabila di-ketengahkan fahaman lain itu di-zaman kita ini.

### PENELITIAN

Begitu pun, bagi maksud penelitian awda, terutama apabila awda mengatakan: *semua orang mahu untung* — dengan maana: *semua orang tidak mahu rugi*, maka renongkan-lah kesah benar yang di-perturunkan ini ...

BEBERAPA waktu sa-telah Nabi Muhammad s.a.w. berhijrah ka-Medinah, ada sa-orang bernama Suhaib Ar-Rumi ingin pula meninggalkan Mekah menyertai Nabi di-Medinah itu. Tapi hajat-nya itu di-halang oleh orang2 Quraish yang sa-memang-nya menentang penghijrahan orang Islam.

"Dahulu engkau datang ka-Mekah dengan sa-helai sa-pinggang," kata mereka kapada-nya.

"Sekarang engkau hendak meninggalkan-nya pula membawa bersama harta mu?" mereka sengaja bertanya, sedang sikap dan gaya mereka memang tidak akan melepaskan-nya pergi.

Suhaib segera menyedari hal itu. Jelas kapada-nya orang2 Quraish itu akan menyakiti-nya kalau juga dia berkeras mahu ka-Medinah. Tapi hajat-nya sangat kuat untok memelihara keselamatan 'aqidah Islam-nya dan mendampingi Nabi di-sana. Sebab, keadaan dan suasana di-Mekah waktu itu sangat mengancham keselamatan 'aqidah orang2 Islam. Maka dia pun berfikir menchari jalan bagi menyampaikan hajat-nya itu.

"Bagaimana kalau ku serahkan semua harta ku kapada kamu, ada-kah kamu akan melepaskan aku pergi?" dia menanya mereka sa-telah berkesimpulan hanya chara itu-lah yang mungkin dapat memenohi hajat-nya.

Dan memang tepat, orang2 Quraish itu menerima tawaran-nya itu. Maka Suhaib pun menyerahkan semua harta-nya kapada mereka, kemudian baharu-lah dia di-lepaskan pergi.

Sa-telah tiba di-Medinah, ramai orang heboh akan kesah-nya menyerahkan seluroh harta-nya kapada orang2 Quraish di-Mekah itu. Pada perkiraan ramai, dia telah rugi kehabisan harta semata2 kerana mahu memenohi hajat-nya berhijrah ka-Medinah. Orang2 lain yang berhijrah tidak pun mengalami sampai begitu terok membayar kapada orang2 Quraish yan menentang dan menghalang penghijrahan itu.

Khabar itu sampai kapada Nabi. Aneh-nya, Baginda membuat komen dengan sabda-nya yang mashor: "Suhaib telah beruntung! Suhaib telah beruntung!"

### BUKAN SA-BARANG HAJAT

Demikian-lah. Awda teliti-lah baik2 ertikata untung rugi dalam kesah benar di-suatu zaman dahulu.

Orang ramai waktu itu mengira harga yang terpaksa di-bayar oleh Suhaib itu terlalu mahal. Kita di-zaman ini pun mungkin berkata dan mengira begitu. Betapa tidak, seluroh harta di-serahkan semata2 bagi satu2 hajat!

Tapi hajat-nya itu bukan sa-barang hajat. Dia berhajat menyelamatkan 'aqidah Islam-nya. Dan dia tidak pun merasa rugi, sa-balek-nya berasa puas pula.

Kepuasan itu-lah hajat-nya, dan telah di-bayar-nya dengan harga yang begitu mahal sa-hingga ramai orang mengatakan-nya rugi. Tapi, kapada Nabi s.a.w. 'rugi'-nya itu di-katakan pula oleh Baginda sa-bagai 'untung'.

Tidak-lah itu memungkinkan: kalau pun semua orang mahu untung, tapi tidak semua orang akan tidak mahu rugi. Sebab, orang saperti Suhaib dalam kesah ini bukan saja 'mahu' bahkan juga 'sanggup' rugi. Aneh-kah sedemikian itu? — *Ketua Pegawai Penerangan.*

**"..... mana-lah orang saperti si-pedagang akan sanggup membeli dengan harga melebehi harga menjual. Tapi maseh boleh di-dapati ada orang lain yang sanggup mendapatkan hajat-nya sa-kali pun dengan harga paling mahal."**

## GENDANG JAGA-JAGA CEREMONY ENDS

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Gendang Jaga-Jaga ceremony to celebrate the birth of a princess to His Highness the Sultan and Yang Dipertuan and Her Highness the Raja Isteri Pengiran Anak Saleha officially ended on Wednesday afternoon at the banquet hall of the Istana Darul-Hana here.

The grand opening of the ceremony commenced three weeks ago at the Lapau here, and was marked by a 21-gun salute.

Before the closing of the Gendang Jaga-Jaga rite, a Bersiram ceremony had been held.

Those present at the function included the General Advisor to His Highness the Sultan and Yang Di-Pertuan, the Menteri Besar, YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal-Mashuarah, members of the Royal Family, Cheterias and heads of the government departments.

The fifth child of His Highness the Sultan and Yang Dipertuan and Her Highness the Raja Isteri was born at the Istana on March 12 and has been named YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bulqiah.

Two weeks of celebrations were held at the Istana which was open from 8 p.m. until midnight every evening.

## TV loan scheme stopped

BANDAR SERI BEGAWAN. — The civil servants in the state are no longer entitled to loan television sets.

This is because the Brunei Government has ceased its Television Loan Scheme.

The State Secretariat, in a circular, says that the Scheme which finances the government servants to purchase colour TV sets on a loan basis, has reached its saturation point.

However, it adds that the applications for loans submitted by 12 March will still be considered.

The loan scheme was introduced in July 1976.



The Hon'ble Dato Seri Laila Jasa Haji Zakaria inspecting the parade.

## *Civic Course for Penghulus ends*

BANDAR SERI BEGAWAN. — The five-day civic course for more than 100 Penghulus and Ketuas (Headmen) of Villages and Longhouses throughout the state ended on Thursday afternoon at the Youth Centre here.

This was the third course organised by the Information Section of the State Secretariat and held at the Youth Centre.

It was declared open by the Y.A.M. Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud.

The opening ceremony of the course began with the Quran reading.

The participants in the course joined in the congregational prayers, listened to lectures given by several government officers representing the Police, Immigration and Legal Departments and held dialogues with the invited guests in the evenings.

On 24 March, participants heard talk on "Implementation Of Social Work In Community Development" which was given by the Director of Welfare, Youth and Sports, the Hon'ble Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein.

In the afternoon, they visited the government rice project at Wasan while at night, they held a dialogue with the Y.A.M. Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Hj. Abd. Aziz.

On the third night, the same gathering was held with the district officers, while on the night of last day, with Y.A.M. Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Idris.

A lecture on "The Role And Responsibility Of Economic Development Board" by the Director of Economic Development was delivered by his proxy on 25 March.

Several talks on the Brunei Citizenship Laws, Immigration Laws, Control and Regulations of Immigrants, and Law and Order were respectively given by the Attorney General, the Controller of Immigration and the representative of the Police Commissioner.

On the last day, they heard talks on "Basic Religious Requirements Of Persons In Posts Of Responsibility" delivered by Awang Haji Abdul Saman bin Kahar.

Early in the morning, after the dawn congregational prayer, they listened to the Quran Reading presented by Ex-International Quran. Reading Champion, Awang Haji Mashud bin Awang Damit.

## Road Safety exhibition

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Road Safety Exhibition will be held this month throughout the state.

The departments of Royal Brunei Malay Regiment, Royal Brunei Police, Public Works, Radio and Television, and Vehicle and Brunei Shell will participate in the display.

Two special equipment, Audio Visual Display Unit and Seat Belt Convincer will also be on display.

It will be opened from 10th April at the exhibition room of the Language and Literature Bureau here by the Attorney General, YAM Pengiran Laila Kanun Di-Raja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas and will end on 12th April.

Meanwhile, the same exhibition which will also be held at the Kuala Belait Centre will be open for the public from 17th to 19th April from 10.00 a.m. until 6.00 p.m.

## Tawau infected by cholera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tawau in Sabah, East Malaysia, and Southern Province Wellesley in Penang State, have been declared to be infected by cholera early last month.

The Director of Marine Department, Pehin Jack Turner, in a statement has said that all ships arriving in Brunei waters direct from these two places or via intermediate ports will be placed in quarantine.

No physical contact is to be made with a ship in quarantine, except by government officers on duty, until it has been cleared by the Port Health Officer.

All persons carried in a ship and government officers who board a ship after it has entered Brunei waters, are to remain in the ship until it has been cleared, or are given permission in writing to leave the ship by the Port Health Officer.

## PASSING-OUT PARADE

BERAKAS. — A passing-out parade for the Royal Brunei Malay Regiment's 49th intake consisting of 30 soldiers was held on Friday at the Bolkiah Camp here.

The salute was received by the Acting Director of Establishment, the Hon'ble Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman who also inspected the parade.

In his address, he urged the recruits to respect their seniors and to be strict in discipline.

He later presented the prizes to the best soldiers.

Rec Bongsu bin Tindin has been chosen the best overall soldier, while Rec Ahmad bin Hamit and Rec Bungsu bin Piut have been selected as the best marksmen at M16 and HBAR respectively.

The best physical training award has gone to Rec Suhaili bin Sahak while Cpl Kamis bin Hj Matassan has been the best instructor.

Meanwhile, Dato Haji Zakaria also gave away the Long Service and Good Discipline Medals to 13 recruits who have served for 18 years.

## Gen. Advisor previews exhibition

BANDAR SERI BEGAWAN. — The General Advisor to His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, last Thursday previewed an exhibition by a photographer from Sarawak, Mr K.F. Wong.

The month-long public display of photography is being held at the Brunei Museum in Kota Batu.

The exhibition is chiefly of black and white photographs of cultural and natural scenes of Borneo.

Being a famous photographer in this part of the world, Mr Wong has won a number of regional and international prizes and medals for his excellent photographs.

## Nine Police officers promoted

GADONG. — Nine officers of the Royal Brunei Police have been promoted.

The announcement of their promotions was made last week by the police authority.

Superintendent Dato Haji Ismail bin Pehin Dato Pekerma Dewa Haji Abdul Rahim topped the list.

He has been promoted to the post of superintendent as well as acting Assistant Commissioner of Police.

Two officers have also been promoted to superintendents, they are Awang Lim Pang Kit, formerly deputy superintendent, and Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan, previously acting superintendent.

Six other officers have been exalted to the ranks of deputy and assistant superintendents and acting inspectors.

Meanwhile, the Commissioner of Police, Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya and the Assistant Police Commissioner, Y.A.M. Pengiran Putera Negara Pengiran Omar returned to Brunei after a four-day goodwill visit to Kuala Lumpur.

They were invited by the Malaysian counterparts to attend the ceremonies of the 173rd anniversary of Malaysia's Royal Police Force.

Meantime, the Band of the Royal Brunei Police will Beat Retreat at the Hassanal Bolkiah Stadium, Police Headquarters, Gadong, on Friday, 4 April, commencing at 5.45 p.m.

The ceremony and programme of music will continue until about 6:20 p.m.

The public are welcome to attend and should arrive not later than 5:35 p.m.

## Consumer price index for February

BANDAR SERI BEGAWAN. — A statement from the Economic Planning Unit has said that the consumer price index for February, 1980 was 115.7 an increase of 0.6 per cent from the previous month and a rise of 4.7 per cent from the corresponding month in 1979.

Food items were again the main cause for that month's increase. The other Group Indices were also up marginally except for the group Gross Rent, Fuel and Power which remained the same over the period.

The January to February 1980 index movements for the various groups are briefly described below:-

(i) Food: This group index rose from 115.8 in January to 117.3 in February due partly to the general increase in the price of wheat flour which also resulted in higher prices of bread and assorted local cakes.

(ii) Clothing and Footwear: Higher prices of men's rubber slipper pushed the price index of subgroup 'Footwear' from 121.3 to 123.9.

(iii) Gross Rent, Fuel and Power: This group index remained constant over that period.

(iv) Furniture, Furnishings and Household Equipment and Operation: Higher prices of soap powder pushed the price index from 109.1 in January to 110.3 in February.

(v) Transport and Communication: General hike in air fare raised the price index from 117.9 to 132.6.

(vi Recreation, Entertainment, Education and Cultural Services: Higher price on newspaper pushed the index from 117.2 to 118.9.

(vii) Miscellaneous Goods and Services: This group index rose from 116.3 to 116.4.

### Corrigendum

With reference to last issue's Pelita Brunei, "Quran Readers Association of Brunei" was in fact registered on 29 December, 1979, while the "Public Service Commission Department Sports Club", on 15 January, 1980.

## Drains and rivers polluted

BANDAR SERI BEGAWAN. — Residents living between Mile 17 and 20 in Jalan Tutong have been advised not to drink or use the water from the drains and rivers nearby because a tanker overturned last week at Mile 18 and spilled about two thousand gallons of petrol into them and caused pollution.

Soon afterwards, there was a major fire alert throughout the area.

In order to prevent the outbreak of fire, the Fire Brigade has warned the residents in the area against throwing any lighted cigarette butts or playing with fire.

The department is also maintaining a 24-hour vigilance in the region.

The tanker overturned while trying to avoid an on-coming car which had overtaken another vehicle.

# AQIDAH AHLI SUNNAH WAL-JAMA'AH (I)

**YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........**



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

**Siri ke-26**

SELALU orang menyebut perkataan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah, maka di-sini saya bawakan rengkasan keperchayaan dan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah dalam beberapa perkara.

Terlebeh dahulu saya terangkan, erti perkataan "Ahli" ia-lah orang yang memegang dan mengamalkan, dan erti perkataan "As-Sunnah" ia-lah perjalanan Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam), sementara erti perkataan "Al-Jama'ah" ia-lah orang Islam yang ramai daripada umat Islam yang berpegang dan beramal dengan perjalanan Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) dan berpandu dengan ajaran2 Baginda itu.

Menurut Al-Imam Tajuddin Abdul Wahab bin Taqiuddin Ali As-Subki (yang meninggal tahun 771 Hijrah) dalam Sharah Aqidah Ibni-Hajib: "Ketahui oleh-mu bahawa Ahli Sunnah Wal-Jama'ah, semua mereka telah ittifaq dan bersetuju sa-kata di-atas satu i'tiqad yang sama dalam perkara yang wajib, dan yang harus, dan yang mustahil, sekali pun mereka bersalahan2 jalan dan pegangan (mabda') untok sampai pada menetapkan wajib, harus dan mustahil itu".

Di-antara i'tiqad Ahli Sunnah Wal-Jama'ah itu ia-lah :

## DALAM PERKARA MENGANGKAT RAJA

1. Wajib pada shara' di-atas orang2 Islam yakni Ahlul-Halli Wal-Aqdi (bukan wajib di-atas Allah Ta'ala) mengangkat raja, yang boleh mengawal maslahat dan faedah umat Islam saperti mempertahankan post2 kawalan sempadan negeri, menubohkan pasokan2 tentera, membasmikan orang2 jahat, penchuri2, perompak2 dan lain2 perkara lagi.

Telah ijma' sekata sahabat (sa-telah wafat Nabi Sallallahu 'Alaihi Wassallam) pada mengangkat raja, sa-hingga mereka jadikan mengangkat raja itu suatu perkara yang lebeh2 wajib, dan mereka dahulukan-nya dari mengkebumikan Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam). Begitu-lah dibuat oleh umat Islam pada tiap2 masa, sekali pun raja yang di-angkat itu kurang darjat-nya daripada lain2 umat Islam.

Berkata puak Khawarij: tiada wajib mengangkat raja. Dan berkata puak Al-Imamiyah (dari puak Sheah) wajib di-atas Allah Ta'ala mengangkat raja.

2. Kita Ahli Sunnah Wal-Jama'ah tiada mengharuskan derhaka kapada Sultan, kerana orang2 salaf daripada umat Islam adalah mereka taat setia kapada Raja2 Islam. Mereka mendirikan sembahyang Jumaat dan sembahyang Raya sa-telah mendapat kebenaran dan izin daripada raja. Mereka tiada berpendapat harus dan boleh keluar dari taat dan dari setia kapada raja.

Orang2 Mu'tazilah mengharuskan menderhaka kapada Sultan yang zalim, kerana kata mereka bahawa Sultan itu terpechat ia dengan membuat kezaliman.

## SA-BAIK2 UMAT ISLAM

3. Kita beri'tiqad bahawa sa-baik2 umat Islam lepas Nabi kita Syedina Muhammad (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) ia-lah: Syedina Abu Bakar, (Khalifah yang pertama sa-lepas Rasulullah s.a.w.), kemudian Syedina Umar, kemudian Syedina Othman, kemudian Syedina Ali. Ketiga2 mereka itu Amirul-Mu'minin ketua agong orang2 Mu'min (Radhiallahu 'Anhum). Telah sakata orang2 salaf di-atas kelebehan dan kebaikan mereka di-sisi Allah Ta'ala menurut tertib dan susunan yang tersebut itu. Berkata puak Sheah dan kebanyakan dari puak Mu'tazilah bahawa yang lebeh afdhal sa-lepas Nabi Muhammad (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) ia-lah Syedina Ali (Karamullahi Wajhahu).

4. Kita beri'tiqad bahawa Syedatina Aishah (Radhiallahu 'Anha) itu suchi dari segala tohmah (tudohan) yang di-lemparkan ka-atas-nya, kerana Al-Kor'an Al-Karim membersehkan Syedatina Aishah dari segala tohmah yang di-lemparkan ka-atas-nya saperti firman Allah Ta'ala dalam ayat2 :

إِنَّ الَّذِيْنَ جَاءُوا بِالْإِفْكِ

5. Kita Ahli Sunnah Wal-Jama'ah diam (tiada berkata apa2) berkenaan apa yang berlaku di-antara para sahabat Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) — Radhiallahu 'Anhum — dari pertengkaran dan dari peperangan yang dengan sebab-nya banyak mati sahabat2 (Radhiallahu 'Anhum). Maka nyawa dan darah yang suchi itu yang kita tiada kena mengena dengan-nya, hendak-lah kita bersehkan lidah kita pada perkara yang tersebut itu dengan tiada berkata apa2 saperti sipolan itu benar dan yang lain salah. Sa-tengah dari penulis tarikh Islam yang ada sekarang tiada memelihara lidah mereka dengan memehak ka-suatu pehak dan menekan suatu pehak yang lain.

6. Kita Ahli Sunnah Wal-Jama'ah berpendapat bahawa semua sahabat2 (Radhiallahu 'Anhum) itu dapat pahala dalam perkara pertengkaran dan peperangan yang berlaku di-antara mereka kerana semua-nya itu terhenti dan terasas di-atas ijtihad daripada mereka, dalam perkara2 zanniah yang di-hadapi oleh mereka. Mana2 ijtihad yang tepat daripada mereka maka mereka mendapat dua pahala, kerana ijtihad-nya dan tepatnya. Sementara mana2 ijtihad yang tiada tepat daripada mereka, maka mereka mendapat satu pahala kerana ijtihad-nya itu sahaja, sa-bagaimana hadith yang di-riwayatkan oleh Al-Imam Al-Bokhari dan Muslim :

إِنَّ الْحَاكِمَ اِذَا اجْتَهَدَ فَاصَابَ

فَلَهُ أَجْرَانِ وَاِذَا اجْتَهَدَ فَاخْطَأَ

فَلَهُ اَجْرٌ

Erti-nya: *Bahawa hakim itu yakni orang yang menchari hukum apabila ia berijtihad, jika ijtihad-nya kena dan tepat, maka bagi-nya dua pahala. Dan apabila ia berijtihad, lalu ia tersalah dalam ijtihad-nya (tiada kena dan tiada tepat) bagaimana di-kehendaki menurut dalil, maka bagi-nya satu pahala sahaja.*

## HIDAYAT DARI ALLAH

7. Kita Ahli Sunnah Wal-Jama'ah berpendapat bahawa Al-Imam Ash-Shafie dan Al-Imam Malik (guru Al-Imam Ash-Shafie), dan Al-Imam Abu Hanifah, dan Al-Imam2 Sufian As-Thauri dan Sufian bin Aiyinah, dan Al-Imam2 Ahmad bin Muhammad bin Hambal dan Al-Auza'i, dan Ishak bin Rahawiyah dan Daud Az-Zahiri dan lain2 Imam daripada Al-Imam2 umat Islam, semua mereka mendapat hidayat daripada tuhan mereka, dalam aqaed dan lain2 ilmu. Tiada-lah kita memperdulikan dan menoleh kapada orang2 yang berchakap menchachatkan mereka dengan perkara2 yang mereka suchi dan berseh dari perkara yang di-chakap oleh orang itu.

Ada pun perkataan Al-Imam Al-Haramain (yang meninggal tahun 478 Hijrah) yang berkata bahawa ulama Ahlit-Tahqiq tiada mengambil hirau akan pendapat2 puak2 Zahiriah dan khilaf2 mereka, ia-itu di-tujukan kapada Allamah Ibnu Hazam Az-Zahiri (yang meninggal tahun 456 Hijrah) dan pengikut2-nya. Bahawa mereka itu ada-lah puak Az-Zahiriah yang menyalahi akan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah.

8. Kita Ahli Sunnah Wal-Jama'ah berpendapat bahawa Al-Imam Abul-Hassan Al-Ash'ari, ketua Ahli Sunnah Wal-Jama'ah dalam I'tiqad Ahli Sunnah Wal-Jama'ah, dan dia Imam yang terkemuka dan di-dahulukan daripada Al-Imam Abu Al-Mansur Al-Maturidi dan lain2 ulama Ahli Sunnah Wal-Jama'ah. Jangan-lah di-dengar chakap2 orang2 yang berchakap dalam perkara Al-Imam Al-Ash'ari pada hal ia suchi dari kata2 dan chakap2 yang di-lemparkan ka-atas-nya.

*WALLAHU A'ALAM*

(Bersambong)



# ARAK HANYA MENUJU KEBINASAAN

TIDAK shak lagi bahawa kebahagiaan manusia ada-lah terletak pada pemeliharaan akal-nya, dengan akal manusia dapat mengetahui yang baik dan yang burok, yang berfaedah dan tidak berfaedah, dan dengan akal, Allah angkatkan darjat manusia dari makhlok yang lain. Tetapi apa yang kita ketahui masa ini, manusia sudah ingin menolak pemberian Allah yang mulia ini, dengan bermacham-macham jalan dengan tujuan untok menenangkan fikiran, ini-lah alasan yang sering kita dengar.

Sa-orang penyelidik telah mengatakan bahawa tidak ada bahaya yang lebeh parah yang di-deritai manusia sa-lain banyak arak, kerana arak boleh menyebabkan gila, bunoh diri, rumah-tangga tidak tenteram dan tidak kurang juga menyebabkan kemalangan di-jalanraya. Kerana pemandu yang meminum arak tidak dapat menguasai diri-nya apa-tah lagi kenderaan yang di-pandu-nya yang akhir-nya menyebabkan kemalangan dan kehilangan jiwa. Ini-lah sebab-nya kesemua negeri di-dunia ini mengharamkan pemandu dari memandu kereta dalam keadaan mabok dan memberatkan lagi denda kapada peminum arak.

Tetapi kebanyakkan penageh2 arak telah mengatakan bahawa arak itu ubat yang boleh memanaskan badan, tetapi apa yang sa-benar-nya ia-lah: arak itu penyakit dan bukan ubat, Ibnu Mas'ud ada berkata yang bermaksud: bahawa Allah tidak menjadikan kesembohan kamu pada apa yang di-haramkan ka-atas kamu. Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: *"Bahawasa-nya Allah menurunkan penyakit dan ubat dan di-jadikan pada tiap2 penyakit itu ubat, maka berubat-lah dan jangan kamu berubat dengan yang haram".*

sa-orang Inggeris pernah bertanya kapada sa-orang mubaligh Inggeris yang beruga-ma Islam dengan berkata: "Ugama tuan melarang meminuman keras, tahu-kah tuan bahawa minuman keras itu sangat berfaedah bagi orang Inggeris, orang Inggeris kalau tidak minum whisky akan mati kedinginan, kerana iklim di-sini sa-bagaimana tuan tahu ada-lah amat sejok."

Mubaligh Inggeris itu menjawab: " saudara tahu apa-kah yang memperbezakan manusia dengan haiwan? Yang memperbezakan ia-lah akal. Manusia di-korniakan Allah akal tetapi haiwan tidak di-beri-nya akal. Minuman arak itu aki-bat-nya menghilangkan akal yang di-anugerahkan Tuhan kapada manusia sa-hingga menurunkan manusia ka-darjah haiwan, mahu-kah saudara menjadi haiwan?

Dan lagi uchapan saudara bahagian yang kedua ia-lah tidak benar. Saya dan orang2 Inggeris yang beruga-ma Islam dan saudara2 kami kaum muslimin di-London tidak minum whisky, tetapi kami tidak ada yang mati kedinginan. Maka bagaimana itu?" Dengan jawapan itu, maka orang2 yang bertanya tadi tidak berchakap apa2 hanya membisu.

Allah Ta'ala telah memberi ingat hamba2-Nya dengan firman-Nya yang bermaksud: *hai orang2 yang beriman sa-sunggoh-nya arak, judi, berhala dan undian ada-lah kotor dari perbuatan shaitan, oleh kerana itu jauhi-lah dia supaya kamu bahagia, shaitan hanya bermaksud untok mendatangkan permusohan dan kebenchian di-antara kamu sebab khamar dan judi serta menghalang kamu daripada ingat kapada Allah dan sembahyang apa-kah kamu tidak mahu berhenti?*

Pelihara-lah akal kita dari menjadi mangsa perbuatan kita, kerana akal ada-lah alat yang di-korniakan Tuhan untok menjadi pandu ka-arah yang selamat dan berfaedah, tanpa akal manusia hidup melarat tak ubahnya saperti haiwan.

# 65 terima kornia tambang haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan mengorniakan tambang untok menunaikan fardhu haji tahun ini kapada sa-ramai 65 orang, 6 orang daripada-nya terdiri dari orang2 Muallaf dari seluroh negeri.

Dari jumlah tersebut 48 orang daripada-nya di- Daerah Brunei dan Muara, 7 orang di-Daerah Tutong, 3 orang di-Daerah Belait dan sa-orang di-Daerah Temburong.

Manakala orang2 Muallaf itu 3 orang daripada-nya di-Daerah Brunei dan Muara dan sa-lebeh-nya sa-orang dari tiap2 daerah. Mereka itu terdiri dari dua orang lelaki dan empat orang perempuan.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 2hb April, 1980 hingga ka-hari Selasa 8hb April, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini:

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2hb April | 12.29 | 3.44 | 6.33 | 7.45 | 4.48 | 5.03 | 6.18 |
| 3hb April | 12.29 | 3.44 | 6.33 | 7.45 | 4.48 | 5.03 | 6.18 |
| 4hb April | 12.29 | 3.44 | 6.33 | 7.45 | 4.48 | 5.03 | 6.18 |
| 5hb April | 12.29 | 3.44 | 6.33 | 7.45 | 4.48 | 5.03 | 6.18 |
| 6hb April | 12.28 | 3.43 | 6.32 | 7.44 | 4.46 | 5.00 | 6.16 |
| 7hb April | 12.28 | 3.43 | 6.32 | 7.44 | 4.46 | 5.00 | 6.16 |
| 8hb April | 12.28 | 3.43 | 6.32 | 7.44 | 4.46 | 5.00 | 6.16 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# Bingkisan minggu ini

# IBU-BAPA PERLU DI-TAATI

MENTAATI kedua ibu-bapa dan mentaati segala surohan-nya yang berkebajikan ada-lah ke-wajiban sa-seorang anak. Sifat taat dan patoh tersebut ada-lah satu amalan yang baik yang di-suroh oleh Allah ia-itu-lah bagi maksud kebahagiaan hidup sa-seorang anak itu di-dunia dan di-akhirat.

Kedua ibu-bapa sa-benar-nya ada-lah manusia yang paling mustahak sa-kali dalam kehidupan anak2. Oleh sebab mereka-lah orang yang bertanggong-jawab mendidek, memelihara serta menunjokkan tingkah-laku dan perangai yang akan menjadi ikutan mereka itu. Jasa kedua orang tua ada-lah tetap akan di-taborkan di-sepanjang kehidupan anak2 sejak dari kechil-nya hingga-lah ka-zaman dewasa-nya.

Bakti dan kaseh sayang serta rasa chinta kedua orang tua terhadap anak-nya suatu yang ikhlas, pantang mendengar si-anak menangis akan berlari-lah si-ibu mendudoi dan mendendang agar si-anak kembali riang. Demikian-lah pula ketika dewasa-nya, pantang si-anak bergundah-gulana, maka akan tampil-lah si-ibu memujok, merayu agar si-anak kembali riang bergembira.

Betapa pun kaseh-nya ayah dan ibu, kadang2 terdapat pula anak yang tidak mengenang jasa, sa-bagai chontoh terdapat satu kesah di-zaman Rasulullah s.a.w., bahawa ada sa-orang anak yang tidak memperdulikan orang tua-nya. Ia hanya mementingkan kehidupan-nya sendiri, baik kehidupan dunia mahu pun kehidupan akhirat. Pada suatu hari si-anak itu telah jatoh sakit yang hampir2 akan membawa maut kapada-nya. Di-akhir hayat-nya itu si-anak telah di-ajarkan menguchap dua kalimah shahadat, tetapi entah apa malang-nya lidah si-anak menjadi kelu untok mengikuti-nya, sedangkan pada hakikat-nya ia ada-lah sa-orang yang taat dengan suroh2 Allah.

Berita tersebut telah sampai ka-pengetahuan Rasulullah s.a.w., lalu Baginda dengan di-temani oleh sahabat2 Baginda datang menziarahi si-sakit itu. Apabila Rasulullah sampai Baginda pun menyuroh ibu lelaki sakit ini datang berhadapan dengan anak-nya, maka Rasulullah bertanya: *"Apa-kah kesalahan anak puan ini pada masa yang telah lalu?"* jawab ibu itu. *"tidak ada, sa-sunggoh-nya dia ada-lah sa-orang yang menurut perentah2 Allah."*

Ketika itu Rasulullah pun menyuroh sahabat Baginda supaya mengumpolkan kayu2 untok membakar lelaki itu, akan tetapi ibu tadi telah menahan-nya supaya ja-ngan di-bakar anak-nya itu. Kemudian beliau telah menerangkan kesah yang sa-benar ia-itu dalam waktu2 yang akhir2 ini dia (si-anak) tidak lagi memperdulikan ibu-nya, sa-balek-nya hanya mementingkan anak dan isteri sahaja sedangkan makan dan minum ibu tidak di-pedulikan, itu sahaja.

Sa-telah itu Rasulullah berkata: *"Apa-kah puan memaafkan akan kesalahan anak puan ini? Kalau tidak akan kami bakar hingga hangus".* Ibu menjawab: *"Demi Allah saya maafkan akan dosa-nya,"* maka Rasulullah pun membachakan dua kalimah sahadat dan baharu-lah si-anak dapat mengikut-nya, dan kemudian menghembuskan nafas-nya yang terakhir dengan keadaan yang tenteram.

Kesah yang baharu di-dengar tadi boleh-lah di-ambil menjadi dua kesimpolan:

Pertama; Chinta dan kaseh sa-orang ibu yang sanggup berbohong di-hadapan Rasulullah sa-mata2 untok menyembunyikan kelemahan sa-orang anak.

Kedua; Bagaimana pun amal ibadah sa-orang anak, namun jika ia melupakan orang tua-nya, maka amal ibadah itu tidak akan dapat meringankan-nya dari segala azab Allah.

# Kursus Sivik berakhir

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kursus Sivik bagi kumpolan pertama yang mengandongi sa-ramai 107 orang Penghulu, Ketua Kampong dan Ketua Rumah Panjang di-seluroh negeri telah berakhir pada hari Khamis lalu.

Kursus sa-lama lima hari itu di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan dengan kerjasama Jabatan Daerah dan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan telah di-adakan di-Pusat Belia.

Kursus yang bermula pada 23hb Mach itu telah di-rasmikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd Daud.

Sepanjang kursus, peserta2 tersebut telah mendengar cheramah2 yang di-sampaikan oleh pegawai2 kanan Kerajaan di-samping lawatan ka-beberapa buah tempat untok memberikan mereka gambaran sa-chara dekat kemajuan yang telah di-chapai oleh Kerajaan dalam bidang perusahaan. Antara tempat2 yang di-lawati ia-lah Projek Tanaman Padi di-Kampong Wasan dan Perusahaan Ternakan Lembu di-Jalan Tungku.

Majlis ramah mesra juga di-adakan pada sa-tiap malam untok mendekatkan para peserta dengan pegawai2 kanan Kerajaan yang terlibat sa-chara langsong dalam pentadbiran negara.

Antara yang menjadi tetamu di-majlis tersebut ia-lah YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibol Karib Pengiran Anak Idris dan Pegawai2 Daerah.

Kursus Sivik bagi Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang Kumpolan Kedua yang mengandongi sa-ramai 109 orang akan di-adakan pada 6hb April ini.





**GAMBAR kanan kelihatan YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz sedang bersalaman dengan beberapa orang peserta kursus sementara gambar atas pula kelihatan YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibol Karib Pengiran Anak Idris bersabda di-majlis ramah mesra dengan peserta2 kursus. Di-sebelah kanan ia-lah Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin.**







**DI-SAMPING mendengar cheramah2 yang berkaitan dengan hal ehwal Ugama, Undang2 keselamatan dan Adat Istiadat, Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang itu juga di-bawa melawat kabeberapa tempat untok memberikan gambaran kapada mereka sa-chara dekat akan kemajuan yang di-laksanakan oleh Kerajaan.**

**Gambar atas kelihatan sa-bahagian dari peserta2 kursus itu ketika mengadakan lawatan ka-Muzium Brunei di-Kota Batu. Mereka juga di-bawa ka-kawasan Projek Penanaman Padi di-Kampong Wasan saperti kelihatan gambar kiri. Sementara gambar2 bawah kelihatan peserta2 kursus ketika menyaksikan projek ternakan lembu di-Tungku.**

# Tanamkan semangat bekerjasama di-segenap bidang

BANDAR SERI BEGAWAN.—Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz menyeru Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang seluroh Negeri Brunei agar menanamkan semangat kerjasama di-segenap perengkat dan bidang dengan anak2 buah mereka demi untok menjamin keselamatan dan kedaulatan negeri.

Bersabda di-malam ramah mesra Kursus Sivik Kali Ketiga bagi Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang minggu lalu, Yang Amat Mulia sekali lagi mengingatkan akan perlu-nya keimanan dalam melaksanakan kewajipan bagi melichinkan lagi kemajuan negara.

"Kita sa-bagai Pegawai2 Kerajaan yang di-wakilkan wajib-lah sentiasa mengenang bahawa kita ada-lah pemegang amanah bagi keselamatan dan kelancharan jentera Kerajaan. Maka mustahak-lah kita menjalankan dengan titih dan chermat supaya keselamatan Negeri dan Raayat berkeadaan baik — dan supaya hajat Kerajaan pada memberikan khidmat kapada raayat dan pendudok tidak di-hampakan", sabda Yang Amat Mulia.

Dari itu sabda-nya lagi, sa-bagai pemimpin ia-itu Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang ada-lah di-seru supaya sentiasa berkhidmat dengan jujor lagi ikhlas demi kepentingan Ugama, Bangsa dan Tanah Ayer di-samping menjadi kepala keluarga yang bertanggong-jawab dan menyara keluarga masing2 dengan rezeki yang berseh dan halal.

"Biskita ada-lah Pegawai2 Kerajaan yang terpileh dan di-lantek khas untok membuat tugas2 dan tanggong-jawab yang di-amanahkan oleh Kerajaan menurut sharat2 lantekan. Dari itu kita harus-lah berhati2 dalam menjalankan tugas2 yang di-amanahkan dan menekmati kemajuan2 moden yang bersifat material supaya jangan sampai menegok ayer yang berisi rachun di-dalam-nya", Yang Amat Mulia mengingatkan.

Tugas sa-bagai Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang, sabda Yang Amat Mulia, ada-lah berat. Bagaimana pun perkara itu akan menjadi rengan dengan ada-nya perpaduan dan keadilan yang saksama yang mana hal2 tersebut hanya akan dapat di-chapai dengan kekukohan iman dan kesabaran.

Negeri Brunei, tambah Yang Amat Mulia lagi, tidak sanggup mempunyai pemimpin yang tidak dedikasi atau tidak bertanggong-jawab saperti pepatah Melayu "Tanggong2 alang, kerasahan berat di-lepaskan".

Yang Amat Mulia seterus-nya mengharapkan supaya peserta kursus menambahkan lagi ketaat-setiaan mereka kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-samping menjunjong Ugama Islam dan bahasa Melayu sa-bagai Ugama dan Bahasa rasmi negara.



Di-samping di-harapkan supaya bersifat jujor, mempunyai keolahan yang senunoh dan bersopan demi untok menjadi chontoh dan tauladan bagi memperbaiki kebudayaan, Adat Istiadat dan Adat Resam negeri Brunei yang terpenting mereka telah di-gesa supaya mendekati dan memahami kehendak2 anak2 buah atau raayat sa-bagai ilham untok kebajikan Negeri Brunei.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**



CHARLOTTE Waverly (Pamela Hensley) dan John, (William Smith) dua orang pelakun yang menjayakan siri "The Rebels" yang di-tayangkan pada hari Ahad jam 9.50 malam.

## RABU — 2HB APRIL

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 TARZAN, LORD OF THE JUNGLE
5.30 ANIMAL WORLD — "Alaska's Birds of Prey"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 DR WHO — "The Deadly Assassin" — Bahagian ketiga
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 BEWITCHED — "Sam's Good News" Berita baik dari Samantha menghentikan perkelahian ibu-bapa-nya — tapi untok sementara sahaja.

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN M.D.
7.45 AZAN ISHA
7.49 TRAPPER JOHN M.D. — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE PROFESSIONALS
9.40 TAYANGAN GAMBAR TV: "Last of the Mohicans"
11.10 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 3HB APRIL

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 A PLACE TO LIVE
5.15 ADVENTURES OF TIMOTHY PILGRIM
5.30 SPIDERMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SALVAGE
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 SALVAGE — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CENTENNIAL — "The Longhorns"
7.45 AZAN ISHA
7.49 CENTENNIAL — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 SURVIVAL
10.20 GARRISON'S GORILLAS "The Big Con" The Gorillas menjalankan tugas yang membahayakan — untok menawan piring2 chetakan musoh yang telah digunakan untok mengeluarkan wang2 Amerika yang palsu, dengan meninggalkan piring2 berkod supaya wang palsu ini dapat di-kesan.
11.10 PERLAWANAN GUSTI
12.00 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 4HB APRIL

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 THE BAD NEWS BEARS
5.00 SAYANG ADEK-KU SAYANG
5.30 THE MUPPETS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 RIKKI RIKKI TAVI
6.26 DICK TURPIN
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 DICK TURPIN — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TELEMATCH
7.45 AZAN ISHA
7.49 TELEMATCH — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 SERBA SERBI
9.00 SOME MOTHERS DO AVE' 'EM — Frank dan Betty memasoki kelab menari orang2 Scot tempatan, dan Frank berkeinginan untok mengambil bahagian dalam satu pameran istimewa.
9.30 QUINCY — "Walk Softly Through the Night" Apabila anak kapada sa-orang teman lama mati kerana memakan dadah berlebehan, Quincy bergabong dengan sa-orang pelajar untok menchari puncha nakotik2 haram dan menghentikan pengedaran dadah di-kampus.
10.20 BIG LEAGUE SOCCER
11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 5HB APRIL

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 NEW SCOOBY DOO
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 WARISAN

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS
7.45 AZAN ISHA
7.49 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 TAYANGAN FILEM MELAYU
10.30 CLIFFHANGERS
11.20 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 6HB APRIL

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 ROAD TO WEMBLEY
5.30 READING WITH LENNY
5.45 HANDFUL OF SONGS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 YOGI'S GALAXY GOOF-UPS — "Captain Smedley Goes Bananas"
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 DON'T ASK ME

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK — "My Favourite Magician" Sa-telah sa-orang ahli silap mata yang tua mengambil-nya sa-bagai penolong-nya untok satu pertunjokkan, David Banner mendapati bahawa terdapat rahsia2 dan juga tipu muslihat ahli silap mata ini, yang hampir2 melibatkan nyawa kedua2 mereka.
7.44 AZAN ISHA
7.48 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 JUST FRIENDS "Invasion of the Body Grabbers"
9.10 MUTIKA
9.50 THE REBELS
11.50 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 7HB APRIL

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HERE COMES MUMFIE — "Brooms Are For Sweeping" Ahli2 sihir menggunakan penyapu untok terbang, tetapi Uncle Samuel lebeh suka sebatang penyapu untok menyapu.
5.15 MIGHTY HERCULES
5.30 TALES FROM 1,001 DAYS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — "Hot Air Hero"
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 GRIZZLY ADAMS — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS
7.44 AZAN ISHA
7.48 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 KONSET RTB (Ulangan)
9.40 ROAD TO MOSCOW
10.30 LOU GRANT — "Vet"
11.10 SIARAN TAMAT

## SELASA — 8HB APRIL

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SKY
5.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Decoys of Doom"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 BLAKE'S SEVEN
6.32 AZAN MAGHRIB

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 A MAN CALLED SLOANE — "Lady Bug"
7.44 AZAN ISHA
7.48 A MAN CALLED SLOANE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.15 TAYANGAN GAMBAR: "My Fair Lady"
11.40 SIARAN TAMAT.



## SISWAZAH BRUNEI MINGGU INI

SISWAZAH BRUNEI minggu ini menjemput awda mengikuti temuramah kami dengan Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Ketua Pegawai Penerangan, Brunei. Beliau telah lulus dengan ijazah MA dari Universiti Al-Azhar, Kahirah.

Ikuti-lah ranchangan ini pada hari Ahad 6hb April, 1980 jam 11.00 pagi.



## Tayangan gambar hari Selasa: "MY FAIR LADY"

"ORANG2 atasan" tahun 1912 munchol dari Covent Garden Opera House kehujanan dan orang2-nya mula menchari kereta2 sewa. Freddy Eynsford-Hill (Jeremy Brett), bertembong dengan Eliza Doo Little (Audrey Hepburn), si-gadis bunga dan menyebabkan bunga2 bertaboran di-tanah.

Apabila Eliza chuba menjual bunga-nya kapada Kol. Pickering (Wilfrid Hyde White), ia merasa takut apabila mendapati sa-orang lelaki menchatet apa yang di-tutorkan-nya. Beliau ada-lah Professor Henry Higgins (Rex Harrison), sa-orang pakar bahasa.

Beliau tidak begitu menggemari chara perchakapan orang2-nya, Higgins memberitahu Pickering bahawa dalam masa enam bulan Eliza akan menjadi sa-orang wanita berdarjat.

Saksikan-lah kesah selanjut-nya dalam cherita muzikal ini dengan lagu2-nya yang tak lapok dek zaman.

**GAMBAR atas kelihatan salah satu adigan dari kesah muzikal "MY FAIR LADY" — tayangan gambar pada hari Selasa jam 9.15 malam.**



**SCOOBY dan teman-nya menyelesaikan misteri2 dengan kemuncholan penjahat2 undangan yang luchu dalam siri Scooby Do yang di-tayangkan pada tiap2 hari Sabtu jam 6.05 petang.**

# LAST OF THE MOHICANS

KESAH keberanian dan pengambaraan yang baru dan menyerunokkan dalam zaman pra-Revolusi Amerika.

Kesah ini terjadi dalam tahun 1757, tahun ketiga Perang Peranchis dan orang Indian. Ada-lah di-laporkan bahawa sa-kumpolan orang2 Peranchis dan orang2 Indian dalam perjalanan mereka untok menyerang Fort William Henry, yang di-bawah kawalan Colonel Munro. Dua puloh batu jauh-nya di-Fort Edward, General Webb memerentahkan Major Heyward dengan tugas untok menghantar dengan selamat dua orang anak gadis Colonel agar mereka dapat bersama2 bapa mereka. Pemandu mereka, dalam perjalanan yang membahayakan ini ia-lah Magua. Akhir nya kumpolan ini menemui Hawkeye, sa-orang pengakap Amerika, teman-nya Chingachgook dan anak-nya Uncas, siapa ada-lah orang2 Indian Mohican Sagamore dan musoh2 ketat Huron.

Dengan kemuncholan orang2 liar Magua memperlihatkan tingkah laku-nya yang sebenar dan melarikan diri ka-khemah Huron-nya. Ia kemudian-nya mengetuai orang2 Huron menentang kumpolan itu, tetapi Hawkeye berhenti di-sebuah gua rahsia. Ia menyedari bahawa lambat-laun tempat persembunyian ini akan di-jumpai, Hawkeye pergi bersama Chingachgook untok mendapatkan bantuan. Semasa ketiadaan mereka, orang2 Huron menemui gua itu dan menawan orang2 yang ada.

Peperangan selanjut-nya membawa kapada pembebasan dan penawanan kumpolan itu, dan Hawkeye, Chingachgook, dan Uncas melawan menentang kumpolan Huron. Dalam pergelutan ini, Uncas di-bunoh oleh Magua. Bapa Uncas, sebalek-nya membunoh Huron yang kejam. Chingachgook kini merupakan ahli Mohican yang terakhir.





**GAMBAR atas kelihatan salah satu adigan dalam tayangan "Last of the Mohicans", sementara gambar kiri, Steve Forrest yang berlakun sa-bagai Hawkeye dalam siri tersebut.**



# ntisari RTB minggu ini





FOR the ninth edition of Making A Home programme, the producer, Nafisah Haji Ali visited the home of Awang Abdul Razak bin Haji Hanafiah and interviewed his wife, Dayang Zaharah bte Haji Abdul Manan about their new home and her opinion regarding homemaking (above).

This programme will be broadcast through the English Service of Radio Brunei, on Saturday, 5th April at 12.45 pm, and will be repeated on Tuesday, 9th April, at 9.30 pm.

## Siri untok kanak2

...gor sa-orang pemuda, bukan di-tempat atau ...ang pemuda dengan kuasa2 yang tidak dapat ...fahami-nya. Pemuda misteri ini dan chubaan2 ...zaman-nya semua, dan tiga orang belasan ta-...ui-nya dan ingin menolong-nya dengan kesah ...alam drama kanak2 yang mengandongi tujoh ...baru ini akan di-tayangkan pada tiap2 hari ...petang.

...: Stuart Lock yang menjayakan siri "SKY".



...agi Bintang Kechil Radio 1980 telah di-...ng bulan Mach lalu. Pemilehan bagi peserta2 ...an Tutong telah pun selesai.

...pemilehan kedua bagi peserta2 di-Daerah ...an Temburong akan di-teruskan minggu ini. ...di-adakan pada hari Jumaat, 4hb April dan ...bertempat di-Studio 'B' mulai jam 8.30 pagi ...gah hari.

...apada peserta2 yang terpileh dalam pemilehan ...h di-kehendaki hadhir pada tarikh dan waktu ...

...i kelihatan peserta2 dari Daerah Belait dan ...njalani pemilehan baru2 ini.

# RANCHANGAN TVP DARI 7HB—12HB APRIL

## ISNIN — 7HB APRIL

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 56
Ranchangan kali ini akan di-isikan dengan BERMAIN MUSIK, KERJA TANGAN, SI-MANIS, AMINAH dan HALAMAN BERCHERITA.

Che'gu Sa'diah akan menunjokkan chara membuat aneka bentok daripada tulang pisang. SI-MANIS pula berpesan pada kanak2 supaya selalu menchuchi tangan sa-belum makan.

Di-HALAMAN BERCHERITA, Che'gu Sa'diah akan mencheritakan kesah sa-ekor burong gagak dengan takar.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 56

## SELASA — 8HB APRIL

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 57
Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti PA' LONG, YANG MANA GANJIL, KATA SI-MANIS, BERSENAM dan SIRI PERMULAAN.

Ruangan YANG MANA GANJIL bermaksud untok menguji penglihatan kanak2. Che'gu Sa'diah akan menunjokkan beberapa kumpolan gambar2 kemudian mereka meneka gambar YANG MANA GANJIL dari sa-tiap kumpolan.

Di-SIRI PERMULAAN, Che'gu Sa'diah akan membachakan sa-buah buku bertajok 'KACHA'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 57

## RABU — 9HB APRIL

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 58
Di-dalam ranchangan kali ini, Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERMAIN BAKUL, GAMGAR DARI RUMAH, BERMAIN KUDA dan HALAMAN BERCHERITA.

Di-halaman GAMBAR DARI RUMAH, Che'gu Sa'diah akan melihatkan gambar2 yang di-kirimkan oleh kanak2 kapada-nya. Sementara di-halaman bercherita, Che'gu Sa'diah akan bercherita kapada kanak2 tentang kesah sa-ekor anjing dengan bangau.

Ini-lah salah satu gambar yang terdapat di-dalam cherita anjing dengan bangau.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 58

## KHAMIS — 10HB APRIL

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 59
Di-dalam ranchangan kali ini, Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti: BOLA TUMBOK, MAIN KIM, BELON SI-MANIS, AMIN dan KAJIAN SA-MULA JADI. Di-halaman MAIN KIM, kanak2 akan meneka barang2 di-perbuat daripada kacha yang di-sembunyikan oleh Che'gu Sa'diah.

Che'gu Sa'diah akan melihatkan jenis2 sayor buah tempatan.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 59

## SABTU — 12HB APRIL

10.30 KAP KAP UDANG 60
Di-dalam ranchangan kali ini, Che'gu Sa'diah akan membuat aktiviti2 saperti: RUANGAN BERLAKUN, TEKA BENDA, BERMAIN BOLA, DI-MANA TEMPAT-NYA dan SIRI PERMULAAN.

Di-ruangan BERLAKUN, Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan berlakun menjadi sa-ekor burong. DI-MANA TEMPAT-NYA pula kanak2 akan menyesuaikan pasangan2 gambar yang Che'gu Sa'diah beri saperti sudu, chawan, dan lain2.
Che'gu Sa'diah akan membachakan sa-buah buku kapada kanak2 bertajok 'BURONG'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 60.



**KESAH sa-ekor burong gagak dengan takar yang akan di-cheritakan oleh Che'gu Sa'diah dalam halaman bercherita Kap Kap Udang yang di-siarkan pada hari Selasa 7hb April.**



DUA orang Pegawai RTB sekarang berada di-London mengikuti kursus penghasilan ranchangan radio yang di-kendalikan oleh Perbadanan Penyiaran British BBC.

Dalam gambar ini menunjokkan kedua 2 pegawai tersebut, Awang Abdul Halim bin Md Hashim (dudok) dan Sheikh Abas bin Sheikh Mohammad ketika berada di-studio latehan bersama2 dengan jurulateh mereka, John Radley yang sedang memegang skrip.

Mereka ini ada-lah diantara 10 orang peserta yang menghadhiri kursus yang di-anjorkan oleh Perbadanan Penyiaran British itu.

Lain2 peserta kursus ia-lah 4 orang dari Perbadanan Penyiaran Anambia, 2 orang dari Perkhidmatan Penyiaran Angkatan Tentera British yang berpusat di-Hongkong ia-itu bahagian Gurkha, sa-orang dari Perbadanan Penyiaran Gibraltar, sa-orang dari Radio St Vincent.

Awang Abdul Halim ia-lah penyampai dan pembacha berita radio dan TV yang juga menerbitkan ranchangan2 radio bahagian Melayu, sementara Sheikh Abas pula ia-lah Penulong Pegawai Ranchangan radio bahagian Bahasa Inggeris.

Mereka telah bertolak ka-London dalam bulan Februari lepas dan mula menjalani kursus tersebut pada 11hb Februari dan akan berakhir pada 2hb Mei ini.

## Pemilehan chalun Ketua Kampong Panchor Dulit

TUTONG. — Pemilehan chalun bagi Ketua Kampong Panchor Dulit, Tutong kerana menggantikan Awang Haji Mohd Akip bin Abd Ghani yang telah bersara, akan di-adakan esok, 3hb April 1980 jam 9.00 pagi, bertempat di-Dewan Kemasharakatan Tutong.

Oleh yang demikian penduduk2 yang berumor 21 tahun ka-atas yang tinggal di-sekitar kampong2 Panchor Papan, Panchor Dulit, Surau, Bukit Bendira dan Petani ada-lah di-minta supaya dapat hadhir pada tarikh, waktu dan tempat yang di-tetapkan.

Sharat2 untok menjadi CHALUN ada-lah saperti berikut:—

(a) Chalun hendak-lah sudah bermastautin dalam kampong2 tersebut sekurang2-nya 3 tahun dan satelah di-lantek di-kehendaki bermastautin sa-chara tetap dalam kampong tersebut;

(b) Chalun mesti-lah berumor tidak kurang 30 tahun;

(c) Chalun sekurang2-nya mempunyai kelulusan Darjah IV Sekolah Melayu;

(d) Chalun mesti-lah bukan Pegawai Kerajaan, Kakitangan Sharikat atau Badan Perniagaan.

Borang2 pendaftaran sabagai chalun boleh di-perolehi daripada Pejabat Daerah Tutong.

## *Permainan pencharagam*

GADONG. — Pasokan Pencharagam Pulis Diraja Brunei akan mengadakan permainan pencharagam di-Stadium Hassanal Bolkiah di-sini pada hari Jumaat 4hb April mulai jam 5.45 petang. Persembahan2 musik pada petang itu akan berakhir kira2 jam 6.20 petang.

Orang ramai ada-lah di-persilakan menyaksikan persembahan tersebut.

## PEMILEHAN JAWATANKUASA TERTINGGI PGGMB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebeh dari 1,000 orang ahli2 Persatuan Guru2 Melayu Brunei akan keluar mengundi untok menentukan siapa-kah yang bakal mendudoki kerusi bagi lima jawatan tertinggi yang bakal mengendalikan puchok pimpinan PGGMB bagi perkhidmatan tahun ini hingga tahun 1983.

Lima kerusi yang akan di-pertandingkan itu ia-lah bagi jawatan2 Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Setia Usaha Agong, Setia Usaha Kewangan dan Pengerusi Tetap.

Pembuangan undi akan di-jalankan pada 6hb. April ini di-sembilan buah pusat di-seluroh negeri ia-itu di-Dewan PGGMB di-sini. Sekolah Melayu Anggerek Desa, Sekolah Melayu Pusar Ulak, Sekolah Melayu O.K.S.B, Kilanas, Sekolah Melayu Sinaut, Sekolah Melayu Muda Hashim, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Sekolah Melayu Mohammad Alam Seria dan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar.

Pembuangan undi itu akan bermula dari pukul 8.00 pagi hingga 3.00 petang.

Chalun2 yang akan bertanding bagi jawatan Yang Dipertua ia-lah Awang Haji Suni bin Haji Idris dan Pengiran Haji Besar bin Pengiran Haji Ahmad.

Lima orang chalun akan bertanding bagi jawatan Timbalan Yang Dipertua yang terdiri dari Awang Hj Abdi Manaf bin Hj Abu Bakar, Awang Haji Julaihi bin Sulaiman, Awang Haji Masri bin Datu Haji Md. Yusof, Awang Haji Md. Hassan bin Sunggoh dan Pengiran Haji Besar bin Pengiran Haji Ahmad.

Chalun2 bagi jawatan Pengerusi Tetap ia-lah Awg Haji Wahid bin PDP Haji Abu Bakar dan Awang Hj Masri bin Datu Haji Md Yusof. Bagi jawatan Setia Usaha Agong, chalun2-nya ia-lah Pengiran Mustapha bin Pengiran Metassan dan Abdul Hamid bin Hj Abd Jalil, sementara chalun2 bagi Setia Usaha Kewangan ia-lah Awang Hj Hamdani bin Haji Abd Rahman dan Awang Abd Hamid bin Haji Abd Jalil.

Pengerusi Lembaga Pemilehan, Awang Adam bin Haji Tarip menyeru ahli2 PGGMB supaya keluar beramai2 untok membuang undi masing2 pada tarikh dan tempat yang di-tentukan itu.



## Harga tunjok barang2 pengguna bagi Februari

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka tunjok harga barang2 pengguna bagi bulan Februari 1980 ia-lah 115.7 mata, meningkat hanya 0.6 peratus dari bulan yang terdahulu dan bertambah 4.7 peratus dari bulan yang sama pada 1979.

Barang2 makanan ada-lah yang menjadi puncha utama kenaikan ini sementara angka2 tunjok harga lain2 kumpolan juga telah naik sedikit kechuali kumpolan 'Sewa Kasar, Bahan api dan Tenaga yang maseh tetap tidak berubah dalam jangka masa tempoh ini. Perubahan2 angka tunjok harga bagi bulan Januri dan Februari 1980 bagi berbagai kumpolan di-jelaskan sechara rengkas di-bawah:—

Makanan: Angka tunjok kumpolan ini meningkat dari 115.8 mata dalam bulan Januari 1980 kapada 117.3 dalam bulan Februari 1980 (+1.3%). Ini ada-lah di-sebabkan kenaikan harga tepong yang mengakibatkan harga2 roti dan berbagai kueh-mueh setempat naik dan juga kenaikan harga2 daging ayam mentah, berbagai jenis ikan, buah2an dan sayor2an. Oleh kerana ini angka tunjok kumpolan kechil 'roti dan biji2an' telah meningkat sa-banyak 3.3 peratus kapada 113.2 mata, angka tunjok ikan naik dari 115.0 mata kapada 117.4 (+2.1%), sayor2an dan hasil sayor2an meningkat sa-banyak 2.2 peratus kapada 132.4, daging mentah meningkat dari 124.7 kapada 125.5 (+0.6%) dan buah2-an naik sa-banyak 0.4 peratus kapada 138.1 mata;

Pakaian dan Kasut dll: Harga2 yang lebeh tinggi bagi selipar getah lelaki telah menaikan angka tunjok harga kumpolan kechil 'Kasut dan lain2' dari 121.3 mata kapada 123.9 (+2.1%) ini menyebabkan kenaikan angka tunjok kumpolan ini sa-banyak 0.3 peratus kapada 115.3 mata;

Sewa Kasar, Bahan api dan Tenaga: Angka tunjok kumpolan ini maseh tetap tidak berubah di-dalam tempoh ini;

Alat2 Perabot, Perhiasan2 dan Kelengkapan Rumahtangga serta Pemasangan: Kenaikan harga sabun serbok telah menaikan 'Barang2 Keperluan Rumahtangga kechuali perkhidmatan2 rumahtangga' dari 109.1 mata dalam bulan Januari 1980 kapada 110.3 dalam bulan Februari dan menyebabkan angka tunjok kumpolan ini naik kapada 114.4 mata (+0.3%);

Pengangkutan dan Perhubongan: Kenaikan am tambang udara telah menaikan angka tunjok harga kumpolan kechil 'Lain2 Perjalanan dan Pengangkutan' dari 117.9 mata kapada 132.6 +(12.5%) dan juga mengakibatkan kenaikan angka tunjok kumpolan ini sa-banyak 0.1 peratus kapada 114.6 mata;

Permainan, Hiburan, Pelajaran dan Perkhidmatan2 Kebudaya'an: Harga surat khabar yang lebeh tinggi telah menaikan angka tunjok kumpolan kechil 'Buku, surat khabar dan majallah2' dari 117.2 kapada 118.9 (+1.5%), ini menyebabkan kenaikan angka tunjok kumpolan ini sa-banyak 0.1 peratus kapada 113.2 mata;

Barang2 dan Perkhidmatan2 Rampaian: Angka tunjok kumpolan ini telah naik dari 116.3 mata kapada 116.4 (0.1%) di-sebabkan kenaikan harga bedak muka.

## Lawatan kanak2 chachat ka-lapangan terbang

BERAKAS. — Sa-rombongan enam orang kanak-kanak chachat dari kelinik2 yang berpusat di-Kampong Ayer telah mengadakan satu lawatan sengkat ka-Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas di-sini pada hari Isnin 24hb. Mach, lalu.

Lawatan mereka ka-sana telah di-iringi oleh Pengiran Rohana serta dua orang guru dari Kelas Kanak-Kanak Kurang Chergas ia-itu Awang Halim bin Haji Othman dan Awang Abu Bakar bin Haji Mohd. Salleh.

Di-Lapangan Terbang Antarabangsa itu kanak-kanak chachat itu telah berpeluang untok menyaksikan kapal terbang Boeing 737—200 yang baru bagi Sharikat Penerbangan Diraja Brunei yang tiba pada awal bulan lalu.

Sa-lepas itu kanak-kanak chachat itu di-bawa pula melawat ka-Dairy Farm di-Jalan Berakas untok melihat sa-chara dekat lagi chara2 pekerja2 di-sana membuat kueh mueh yang beraneka rupa untok kegunaan Sharikat Penerbangan Diraja Brunei (gambar2 atas dan bawah).

Lawatan mereka pada hari itu ada-lah merupakan pertama kali ia-nya di-adakan yang mana ia-nya merupakan salah satu kegiatan luar mereka.



BELIA DAN SOKAN



KETUA pasokan STPRI, Dk Norliati PSJ Pg Haji Abdul Momin kelihatan menerima piala kejohanan yang di-sampaikan oleh pengetua sekolah tersebut Dayang Norsiah bte Haji Daud.

# STPRI JOHAN BOLA JARING BAGI MENENGAH ATAS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri dari Daerah Brunei dan Muara telah munchol sa-bagai johan bagi sekolah2 menengah atas dalam kejohanan bola jaring perengkat akhir antara sekolah2 menengah dan maktab2 sa-negeri yang telah di-adakan di-Padang Sekolah Menengah Muhammad Jamalul Alam di-ibu negeri di-sini pada hari Isnin minggu lalu.

Dalam perlawanan akhir itu pasokan STPRI telah menewaskan pasokan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong dengan kiraan mata sembilan jaringan berbalas lapan.

Sa-belum memasoki perlawanan akhir kedua2 pasokan telah berjaya menewaskan lawan masing2 ia-itu bagi pasokan STPRI mereka telah berjaya mengalahkan pasokan johan dari Daerah Tutong, Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah sementara bagi MPSHB pula, pasokan tersebut telah dapat menumpaskan pasokan dari Johan Daerah Belait, Sekolah Inggeris Perdana Wazir dalam perengkat separoh akhir.

Sementara itu dalam bahagian sekolah2 menengah bawah pula yang mana kejohanan dalam bahagian ini telah di-bahagikan kapada dua kumpulan ia itu kumpulan A dan kumpulan B.

Dalam bahagian kumpulan A bagi penuntut2 yang berumor 14 tahun kebawah Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara dari Daerah Brunei dan Muara telah munchol sa-bagai johan sa-telah berjaya menewaskan Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait dengan kiraan mata 14 — 2.

Kejohanan dalam bahagian tersebut telah di-sertai oleh enam buah pasokan yang mewakili johan dan naib johan dari seluroh negeri. Pasokan yang mengambil bahagian ia-lah Maktab Anthony Abell, Seria; Sekolah Inggeris Perdana Wazr, Kuala Belait; Sekolah Persediaan Inggeris, Tutong, Sekolah Persediaan Inggeris, Bangar; Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Menengah Bawah dan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara.

Manakala Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah dari Daerah Tutong pula telah berjaya menjadi johan dalam kumpulan B ia-itu bagi penuntut2 yang berumor 15 tahun ka-atas sa-telah menewaskan pasokan dari Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait dengan kiraan mata 13 — 11.

Hadiah2 kapada pemenang2 dalam kejohanan itu telah di-sampaikan oleh Pengetua Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STP RI), Dayang Norsiah binte Haji Daud.



BEGINI-LAH aksi pertemuan antara STPRI dengan Maktab Perguruan Gadong di-perlawanan akhir bola jaring bagi Sekolah2 Menengah Atas seluroh negeri.

## Lawatan muhibbah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Perpindahan Kampong Ayer, Berakas (PERKA) telah membuat lawatan muhibbah ka-Limbang, pada 22hb. Mach lepas. Lawatan tersebut merupakan aktiviti bulanan persatuan tersebut.

Sa-masa berada di-sana, rombongan itu telah menjadi tetamu kapada SABERKAS Daerah Limbang. Antara atorchara yang telah di-sediakan oleh SABERKAS untok rombongan itu antara-nya ia-lah perlawanan bolasepak persahabatan dengan SABERKAS, lawatan2 dan majlis ramah-mesra.

Menurut kenyataan ketua rombongan PERKA, lawatan itu ada-lah semata2 bertujuan untok mengeratkan tali silaturrahim keislaman antara satu kelompok rumpun Melayu yang berlainan negeri agar ia-nya dapat di-pupok dengan lebeh padat dan erat.

Ini ada-lah merupakan lawatan muhibbah yang kedua di-buat oleh PERKA yang terdahulu itu telah membuat lawatan ka-Sipitang pada bulan lepas.

## Rentas desa

BERAKAS. — Lebeh 100 orang anggota pasokan Battalion Pertama Askar Melayu Diraja Brunei akan mengambil bahagian dalam perlumbaan rentas desa tahunan pasokan itu pagi esok.

Perlumbaan akan di-adakan di-pantai Jerudong mulai pukol lapan pagi. Hadiah2 di-jangka akan di-sampaikan oleh Pegawai Pemerentah battalion tersebut.

Perlumbaan itu ada-lah bagi memileh wakil2 battalion itu ka-perlumbaan antara pasokan tersebut yang akan di-langsongkan pada 10hb depan.

# Perlawanan bolasepak tujoh orang sa-pasokan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Badan Kebajikan dan Sokan, Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan akan menganjorkan perlawanan bolasepak tujoh orang sa-pasokan yang akan bermula pada pertengahan bulan ini.

Ini ada-lah merupakan kali pertama ia-nya di-anjorkan oleh badan tersebut sejak ia-nya di-tubohkan pada bulan Januari lalu dan akan di-jadikan sa-bagai satu projek tahunan bagi badan ini.

Sa-banyak enam buah pasokan dari bahagian2 Jabatan Setia Usaha Kerajaan akan mengambil bahagian bagi merebut Oskar yang di-sumbangkan oleh Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman (gambar bawah).

Pasokan2 yang mengambil bahagian ia-lah Jabatan Setia Usaha Kerajaan; Bahagian Sukatan dan Timbangan, Bahagian Lembaga Kemajuan Ekonomi; Bahagian Yunit Peranchang Ekonomi dan Bahagian Penerangan (dua buah pasokan).

Saringan pertama akan di-jalankan pada hari Jumaat, 18hb, April dan akan di-jalankan sa-chara pukol keliling. Hanya empat buah pasokan yang memperolehi kelebehan mata akan layak memasoki perengkat sa-paroh akhir dan perengkat akhir yang akan di-langsongkan pada hari Ahad, 20hb, April. Kedua2 perlawanan akan di-langsongkan di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei.



# B-sepak Pra-Olimpik: Brunei tewaskan Filipina dan Indonesia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Bolasepak Kebangsaan Brunei telah memperolehi dua kemenangan yang memeranjatkan apabila pasokan itu menewaskan pasokan Filipina dan Indonesia dalam Kejohanan Kelayakan Bolasepak Pra-Olimpik Asia Kumpolan II yang sedang berlangsong di-Stadium Merdeka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Brunei yang bermain sa-bagai pasokan yang hanya ingin menimba pengelaman di-kejohanan itu telah dapat menchapai kejayaan yang memeranjatkan para peminat2 bolasepak tanah ayer di-mana dalam perlawanan pertama-nya, pasokan Brunei telah menewaskan Filipina dengan dua jaringan tidak berbalas pada hari Sabtu, 22hb. Mach lalu.

Gol2 kemenangan Brunei telah di-jaringkan oleh Ismail Bungsu dalam minit yang ke-25 separoh masa pertama dan Zulkifli Anis dalam minit yang ke-52 separoh masa kedua.

Dalam perlawanan menentang Filipina itu, penjaga gol utama Brunei, Ali Haji Ismail telah menunjokkan permainan-nya yang chemerlang dengan mematahkan beberapa perchubaan2 dari penyerang2 Filipina khusus di-separoh masa yang pertama. Yang amat membanggakan lagi, ia-lah keupayaan dan kehandalan Ali menangkap bola tendangan penalti dari penyerang Filipina, Antonio Guterrez.

Sementara dalam perlawanan-nya yang kedua ia-itu ketika menentang Indonesia pada 24hb. Mach lalu, pasokan kita sekali lagi menunjokkan permainan yang baik dan seterus-nya berjaya menumpaskan Indonesia dengan jaringan tiga gol berbalas dua.

Keupayaan negeri kita, Brunei menumpaskan Indonesia ada-lah di-luar duga-an kerana kita sedia tahu bahawa pasokan Indonesia ada-lah merupakan pasokan yang handal dan ia-nya di-golongkan dalam pasokan yang kuat tetapi walau-bagaimana pun dengan ada-nya semangat dan pengelaman2 semasa menyertai siri Piala Malaysia pemain kita telah menunjokkan mutu permainan yang berkesan sa-hingga membuahkan hasil ia-itu menundokkan Indonesia.

Dalam perlawanan itu Roslan Haji Suhaili telah dapat membuat jaringan 'hat-trick' ia-itu menjaringkan kesemua gol Pasokan Kebangsaan kita walaupun pada separoh masa pertama kedudokan ia-lah 2 — 2 sama. Kemenangan kita ia-lah di-minit yang ke-63 separoh masa kedua oleh Roslan sendiri.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI KETUA JURURAWAT

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Ketua Jururawat di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) S.R.N. dari Singapura atau Malaysia atau dari lain2 negeri yang di-iktiraf oleh General Nursing Council of England.
b) Sijil Perbidanan Division I dari Federation of Malaysia atau dari Singapura atau yang sebanding de-ngan-nya.
c) Sa-baik2-nya, tetapi tidak semesti-nya, pemohon hendak-lah mempunyai pengetahuan bahasa Melayu untok melaksanakan tegas2 mereka.
d) Keutamaan akan di-beri kapada kakitangan yang sedang berkhidmat.

**Pengalaman :**

Pemohon2 hendak-lah telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 10 tahun sa-bagai Jururawat Staff, sa-baik2-nya dalam semua bidang kerja2 jururawat.

**Tugas2 :**

Am, Perubatan, Pembedahan Perbidanan dan rawatan. Permohonan2 mesti-lah bersedia bertugas di-mana2 daerah di-dalam Negeri.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M. 11 — B $1390-1454-1517 - 1581 - 1670-1734-1798-1862-1925-1989/E B/2053-2117-2180-2244-2308. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% dari-pada gaji setelah genap me-namatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari ra'ayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah men-jalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati dari-pada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan sa-linan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb Mei, 1980.

(E/62/61/2 — Bil : 26/1980)

## Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad

## MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD mempelawa tawaran2 dari pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat M.S.B. bagi : —

1) **KATEGORI 9-32 —**
**TAWARAN No. EPS/036-80**
Menukarkan Kelompang dan Plate Bumbong bagi Tangki2 Simpanan Minyak di-pelbagai Tank Groups.

2) **KATEGORI 3 —**
**TAWARAN No. PCS/039-80**
Menchat semula dan membaiki Kelab Lumba Perahu di-Kuala Belait.

3) **KATEGORI 3 —**
**TAWARAN No. PCS/040-80**
Memasang radas jenis Davy, untok keluar sa-masa kechemasan, di-rumah Papan Tinggi.

4) **KATEGORI 7 —**
**TAWARAN No. LEN/043-80**
Membuat peparit dari Control Room pusat ka-V-4202 dan menanam Multicore cables dalam peparit tersebut mengikut pelan D-5225 bagi BLNG.

5) **KATEGORI 16 —**
**TAWARAN No. EPS/038-80**
Menchat semula 270 kaki tinggi Radio Mast di-Komplek Talikom, Panaga.

Bagi maklumat lebeh lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawaran di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat M.S.B.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for :

1) **CAT. 9 & 32 —**
**TENDER No. EPS/036-80**
Replacing of Shell and Roof Plates of Oil Storage Tanks in various Tank Groups.

2) **CAT. 3 —**
**TENDER No. PCS/039-80**
Renovation of Kuala Belait Boat Club.

2) **CAT. 3 —**
**TENDER No. PCS/040-80**
Installation of Davy escape apparatus in Elevated Timber Bungalows.

4) **CAT. 7 —**
**TENDER No. LEN/043-80**
Dig Cable Trench from central Control Room to V-4202 and lay multicore along cables along the trench as per BLNG drawing D-5225.

5) **CAT. 16 —**
**TENDER No. EPS/038-80**
Repainting of 270 ft. height Radio Mast in Communication Complex, Panaga.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

## TENDER NOTICE

**TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED MISCELLANEOUS ADDITIONS AND ALTERATIONS PHASE 1A (RIVER SQUADRON COMPLEX, 30 METRE RANGE & SURAU) FOR THE RBMR, 1ST FLOTILLA BASE, MUARA**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' Electrical Contractors up to 12.00 noon, 29th April 1980.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED MISCELLANEOUS ADDITIONS AND ALTERATIONS PHASE 1A (RIVER SQUADRON COMPLEX, 30 METRE RANGE AND SURAU) FOR THE RBMR, 1ST FLOTILLA BASE, MUARA."

4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Room 15, 2nd Floor, Hong Kong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan, Brunei from 31st March, 1980 onwards during normal office hours.

5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundred Only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderers will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' Electrical Contractor.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## EDUCATION DEPARTMENT TENDER NOTICE

